

**STANDARD KOMPETENSI  
PEMBANTU PENGURUSAN MURID (ASRAMA)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**DIMENSI 1: PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN**

**1. Pengurusan Murid di Asrama**

ASPEK	DESKRIPSI
<b>A. Penjagaan Diri dan Hal Ehwal Murid</b>	1. Berupaya melatih murid mengurus diri dalam aspek kebersihan dan kekemasan.
	2. Berupaya melatih murid berkomunikasi dengan baik.
	3. Berupaya mempunyai pengetahuan asas berkomunikasi dalam bahasa isyarat/ Braille.*
	4. Berupaya melatih murid dalam penggunaan peralatan di asrama.
	5. Berupaya menyelia kebajikan murid semasa berada di asrama.
	6. Berupaya menjadi pengantara ibu bapa dengan murid yang menghadapi masalah.
<b>B. Pemantauan Akhlak dan Disiplin Murid</b>	1. Berupaya mendisiplin murid dengan adab dan akhlak terpuji.
	2. Berupaya mendisiplin murid dalam pengurusan masa di asrama.
<b>C. Pelaksanaan Aktiviti</b>	1. Berupaya membimbing murid ketika melakukan aktiviti harian yang ditetapkan oleh warden.
	2. Berupaya melatih murid menjaga keselamatan ketika melakukan aktiviti.

**Nota:**

\* Pembantu Pengurusan Murid di asrama sekolah pendidikan khas sahaja.

## 2. Pengurusan Pentadbiran Asrama

ASPEK	DESKRIPSI
A. Murid	1. Berupaya merekod kehadiran murid dalam buku rekod kedatangan.
	2. Berupaya mendokumentasi profil murid berdasarkan tatacara yang ditetapkan.
B. Dokumen	1. Berupaya mengemas kini fail berdasarkan prosedur yang ditetapkan.
	2. Berupaya menyimpan dan mengemas kini rekod secara sistematik.
C. Aset	1. Berupaya melabel setiap ruang dan peralatan di asrama.
	2. Berupaya melaporkan kerosakan peralatan asrama kepada penyelia.

### DIMENSI 2: SAHSIAH

ASPEK	DESKRIPSI
A. Komunikasi Berkesan	1. Berupaya membimbing murid, memupuk nilai murni dan hubungan <i>interpersonal</i> .
	2. Berupaya menyampaikan maklumat dengan jelas, cepat, tepat dan mudah difahami.
B. Keterampilan	1. Berkeyakinan dalam menjalankan tanggungjawab.
	2. Mempamerkan penampilan diri positif.
C. Nilai	1. Prihatin terhadap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan murid.
	2. Berintegriti dalam melaksanakan tugas.

ASPEK	DESKRIPSI
	3. Komited dalam melaksanakan tugas.

### **DIMENSI 3: KREATIVITI DAN INOVASI**

ASPEK	DESKRIPSI
<b>A. Kreativiti</b>	1. Berupaya menjana idea kreatif dalam pengurusan murid dan asrama.
	2. Berupaya memberi idea dan mengaplikasi kepakaran yang ada.
<b>B. Inovasi</b>	1. Berupaya mencetus idea penambahbaikan pengurusan murid dan asrama.
	2. Berupaya menjana idea yang dapat membantu pengurusan asrama yang lebih berkesan.

### **DIMENSI 4: POTENSI**

ASPEK	DESKRIPSI
<b>A. Penyertaan dan Penglibatan</b>	1. Berkeupayaan meningkatkan kebolehan membimbing murid di bawah pengawasannya.
	2. Proaktif dalam menangani dan menyelesaikan masalah.
	3. Berkebolehan mengemukakan cadangan dan membuat keputusan.
<b>B. Sumbangan</b>	1. Berminat dalam memperoleh ilmu dan kemahiran untuk meningkatkan kualiti kerja.

ASPEK	DESKRIPSI
	2. Memberi sumbangan dalam aktiviti/program di pelbagai peringkat.